

**FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN • FACULTY OF ECONOMICS AND MANAGEMENT**

Rujukan: UKM(S)FEP.100-1/5/2  
Tarikh: 5 Mei 2021

**Semua Staf**

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof./Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEKELILING FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN BIL.4/2021**  
**COVID-19: PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN.**

Dengan segala hormatnya Pekeling ROSH-UKM Bil. 2/2021 bertarikh 5 Mei 2021 mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan di UKM adalah dirujuk.

Selaras dengan keputusan pihak Kerajaan yang telah menetapkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 6 Mei 2021 hingga 17 Mei 2021, dan seiring dengan pekeliling ROSH-UKM 2/2021, warga FEP diingatkan untuk mematuhi ketetapan berikut:

- a. Perkhidmatan di FEP akan beroperasi dengan kehadiran 30% (maksimum) termasuk kumpulan pengurusan dan pelaksana mengikut sistem penggiliran bagi memastikan pengurusan perkhidmatan berjalan dengan lancar;
- b. Bekerja Dari Rumah (BDR) masih diteruskan dan warga FEP perlu mengikut Garis Panduan BDR yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftar (Sila rujuk pautan: <https://www.ukm.my/pendaftar>). Perlu diingatkan, lokasi BDR adalah di alamat yang didaftarkan dalam Sistem Maklumat Kakitangan (SMK). Sekiranya perlu hadir ke Fakulti, Borang *Health Declaration Form* (HDF) hendaklah diisi seperti amalan sebelum ini. Bagi staf yang perlu merentas negeri bagi tujuan hadir di pejabat, dikehendaki memholon surat kebenaran hadir bertugas daripada pejabat Dekan;
- c. Semua aktiviti SECARA BERSEMUKA seperti mesyuarat/ kursus/ bengkel/ persidangan/ majlis rasmi/ majlis sosial adalah TIDAK DIBENARKAN dan hendaklah dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya;
- d. Semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan secara dalam talian sepenuhnya.
- e. Pelajar-pelajar tidak dibenarkan memasuki FEP kecuali dengan kebenaran daripada Dekan atas sebab keperluan penyelidikan sahaja dan mengikut Standard Operating Procedure (SOP) yang ketat;
- f. Pekerja syarikat atau kontraktor luar adalah dibenarkan memasuki kawasan kampus dengan mematuhi SOP yang ketat.



**PEJABAT DEKAN, FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 5360 / 5365 Faks: +603-8925 1821 E-mel: dfep@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/fep

**Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities**

[www.ukm.my](http://www.ukm.my)

**FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN • FACULTY OF ECONOMICS AND MANAGEMENT**

Semoga kita tetap bersemangat menjalankan tugas walaupun bekerja dari rumah dan prestasi kerja tidak terjejas malah meningkat. Marilah kita sama-sama berdoa agar penularan wabak COVID-19 ini dapat diputuskan dan kita dapat kembali bertugas di pejabat seperti sebelum ini.

Perhatian **SEGERA** YBhg. Prof./Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini diucapkan ribuan terima kasih.

Selamat meneruskan ibadah puasa.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**PROF. DR. AINI AMAN**  
Dekan  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan



**PEJABAT DEKAN, FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 5360 / 5365 Faks: +603-8925 1821 E-mel: dfep@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/fep

**Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities**

www.ukm.my